

22 AUG 1997

Mahathir-Kerjasama

PM MAHU ASEAN BEKERJASAMA TETAPKAN HARI RAYA

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- Malaysia menyambut baik kerjasama negara-negara Asean dalam mencari kata sepakat dalam persoalan berkaitan agama Islam termasuk menyeragamkan tarikh Hari Raya Puasa dan Hari Raya Korban.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kesepakatan itu penting dengan adanya kemudahan pengangkutan dan teknologi maklumat canggih masa kini yang tidak lagi mengendahkan sempadan antara negara.

"Jika ada satu kesefahaman (oleh negara Asean) tentang maksud yang ada dalam Quran ini, saya yakin kita akan dapat menjayakan usaha kita untuk mempertahankan diri kita dan menebuskan maruah kita," katanya.

Semasa sesi dialog pada persidangan serantau "Menghadapi Abad 21: Reformasi dan Cabaran Umat Islam Serantau" yang diadakan di Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) di sini, Perdana Menteri berkata kini terdapat mekanisme yang dapat mengelakkan berbezaan tarikh Hari Raya.

Katanya, kini telah wujud kaedah sains yang menggunakan satelit yang dapat menentukan waktu terbit dan terbenamnya matahari dan pergerakannya walaupun di kawasan kutub yang waktu malam dan siang berpanjangan sehingga enam bulan.

Beliau juga berkata umat Islam perlu bersependapat mengenai pengajaran yang terdapat dalam al-Quran.

Sebagai contoh, katanya, pengertian ayat daripada al-Quran yang bermaksud "Sediakanlah kuda dan pedang untuk menakutkan musuh kamu" tidak bermakna masyarakat sekarang perlu menggunakan kuda dan pedang di dalam peperangan.

"Takkanlah 1,400 tahun dahulu nak disebut (di dalam ayat itu) menyediakan kapal perang, roket, pesawat pejuang dan sebagainya kerana orang Arab jahiliah pada masa itu akan berkata Nabi Muhammad tidak siuman," katanya.

Beliau berkata sesetengah golongan berpendapat menunggang kuda adalah sunnah walhal Nabi Muhammad menunggang kuda kerana ia adalah kenderaan yang pantas waktu itu.

Pada zaman ini, katanya, adalah lebih relevan bagi masyarakat Islam menimba ilmu pengetahuan daripada segi sains dan elektronik bagi menambah kepakaran mereka dalam bidang pertahanan dan "bukan menyimpan kuda".

Beliau juga menyaksikan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman antara Ikim dan Ikatan Cendekiawan Muslim Se-Indonesia (ICMI) bagi kerjasama pendidikan dan latihan serantau kedua-dua organisasi. -- BERNAMA

NI NMO